

# Kebolehpasaran graduan di luar negara kena diutamakan

Oleh Prof Dr Mohammad Alias

**G**LOBALISASI dan liberalisasi membawa bersamanya cabaran dan peluang. Satu pengertian globalisasi ialah integrasi ekonomi dunia bermula dengan perdagangan diikuti mobiliti modal dan tenaga kerja serta pengurusan.

Integrasi ekonomi membawa implikasi saling kebergantungan sesebuah ekonomi dengan ekonomi negara lain. Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka bergantung kepada keadaan ekonomi negara asing terutama ekonomi rakan dagang utama Malaysia seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun.

Pengembangan/penguncupan ekonomi rakan dagang utama memberi impak positif/negatif terhadap ekonomi dalam negara menerusi penerimaan eksport. Berkaitan mobiliti modal, Malaysia secara tradisinya adalah pengimport bersih modal asing sejak zaman prakemerdekaan lagi.

Perindustrian penggantian import pada dekad 1960-an dan perindustrian dipacu eksport pada dekad 1970-an bergantung kepada pengaliran masuk modal asing. Trend ini berterusan hingga kini kerana wujudnya persekitaran pelaburan, keadaan ekonomi dan politik yang stabil.

Namun sejak awal dekad 1990-an ada peningkatan pelaburan oleh syarikat tempatan di luar negara. 'Reverse investment' ini oleh syarikat utama Malaysia seperti Petronas, Sime Darby, Telekom Malaysia, Golden Hope dan Maybank adalah atas dorongan kerajaan menerusi pembabitan dalam misi pelaburan di luar negara.

Dengan membuat pelaburan di luar negara, syarikat tempatan bermula untuk menjadi global. Globalisasi adalah satu pendekatan untuk meningkatkan bahagian pasaran dalam pasaran dunia. Menerusi globalisasi, khususnya dengan melabur di luar negara, sesebuah syarikat mengubah modus operandinya.

Syarikat berkenaan menubuhkan kemudahan pengeluaran dan pemasaran di luar negara. Pelaburan lumrahnya diikuti mobiliti tenaga mahir dan pengurusan Malaysia ke negara destinasi bertujuan menjaga kepentingan pemilik modal.

Sehubungan itu wujudlah peluang untuk warga negara bekerja di luar negara bersama syarikat multinasional Malaysia. Warga negara yang bekerja dengan syarikat multi nasional asing yang beroperasi di Malaysia juga berpeluang untuk tugas di luar negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Kiat berpandangan siswazah tempatan seharusnya bersedia dari segi mental untuk menyahut apa juga cabaran atau peluang walaupun terpaksa meninggalkan negara untuk bekerja.



**PENDIDIKAN TINGGI:** Graduan tempatan perlu mempunyai pemikiran global untuk berjaya teroka pasaran kerja luar negara.

Beliau kecewa dengan penolakan oleh ramai siswazah untuk tidak bekerja di luar negara apabila ditawarkan. Bekerja di luar negara sememangnya memberi pengalaman pada peringkat antarabangsa yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan negara apabila mereka pulang.

Atas semangat meningkatkan kesedaran pelajar universiti mengenai peluang dan prospek bekerja di luar negara, Sekretariat Seminar Antarabangsa Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan seminar antarabangsa bertemakan "Menyediakan siswazah untuk tempat di pasaran global: Cabaran dan prospek" dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dan Kementerian Pengajian Tinggi pada 26 dan 27 Mac lalu di Bangi.

Lapan kertas kerja dibentangkan. Satu forum mengenai 'kebolehpasaran siswazah' juga diadakan yang ahli panelnya terdiri daripada pemimpin pelajar dari USIM, Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Kebolehpasaran siswazah menjadi satu isu nasional. Satu dimensi kebolehpasaran adalah mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk memperoleh dan kekal dalam sesuatu pekerjaan.

Seseorang siswazah yang tidak dilengkapi dengan kemahiran diperlukan oleh majikan menghadapi masalah untuk memperoleh pekerjaan yang produktif dalam masa beberapa bulan selepas menamatkan pengajian mereka.

Walaupun mereka berjaya mendapatkan pekerjaan, tanpa kemahiran mencukupi, mereka akan menghadapi masalah untuk kekal dalam pekerjaan itu. Fenomena pengangguran siswazah yang semakin serius selepas berlaku krisis kewangan Asia Timur 1997/1998 adalah satu gambaran kurangnya kebolehpasaran sesetengah siswazah di samping kemampuan ekonomi negara untuk menyerap kemasukan baru dalam pasaran buruh.

Dalam lain perkataan, satu daripada punca pengangguran siswazah adalah 'mismatch' (salah padan iaitu kemahiran graduan tidak sesuai dengan keperluan industri) antara keperluan majikan dengan penawaran.

Bekas Presiden Persatuan Pengeluar Malaysia, Datuk Mustafa Mansur dalam kertas kerjanya meringkaskan pemerhatian industri mengenai penawaran dan permintaan guna tenaga. Pertama, latihan yang diterima graduan tertentu dari universiti masing-masing tidak mencukupi untuk menjadikan mereka graduan yang boleh dipasarkan. Graduan berkenaan tiada latihan praktikal, lemah dalam kemahiran berkomunikasi dan kurang cekap dalam bahasa Inggeris serta kurang kemahiran menyelesaikan masalah.

Kedua, semakin tinggi keperluan kemahiran ditetapkan oleh subsektor industri, semakin lama masa diperlukan untuk melatih graduan sebelum mereka boleh bekerja secara bersendirian.

Ketiga, teknologi yang digunakan oleh industri berkembang dengan cepat. Jus-

teru, kurikulum yang disediakan oleh universiti perlu penajaran semula.

Timbalan Naib Canselor Universiti Monash Malaysia, Prof Walter Wong, menegaskan industri masa depan memerlukan anjakan dalam kemahiran. Kemahiran komunikasi dan pengurusan korporat yang lebih tinggi diperlukan. Di samping itu, kepakaran industri atau bidang yang mendalam juga diperlukan. Kemahiran pengurusan yang umum atau generik tidak lagi memadai.

Untuk meneroka kerjaya di luar negara dengan syarikat multinasional Malaysia atau dengan syarikat asing, sudah pasti dimensi kebolehpasaran lebih mencabar. Semua kemahiran yang dinyatakan di atas adalah relevan.

Pelajar perlu menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh universiti masing-masing untuk memperkasakan kemahiran insaniah mereka. Namun, ada juga keperluan khusus yang bergantung kepada rantau atau persekitaran perniagaan.

Sebagai contoh, kerjaya di China memerlukan kemahiran dalam bahasa Mandarin dan kefahaman mengenai sistem ekonomi, sosiopolitik dan amalan perniagaan. Kemahiran dalam bahasa Arab sudah tentunya berguna dalam konteks bekerja di Asia Barat. Tetapi yang paling penting untuk berjaya bekerja di luar negara adalah 'pemikiran yang global.'

Penulis bertugas di fakulti ekonomi dan muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)